

# KUTKM Universiti teknikal awam pertama negara

Archival News | Utusan Malaysia | 04/04/2001 | Author: SALINA IBRAHIM

KOLEJ Universiti Teknikal Kebangsaan Malaysia (KUTKM) yang akan mengambil 240 orang penuntut sulungnya Mei ini, akan menjadi institusi pengajian tinggi awam (IPTA) ke-12 di negara ini.

KUTKM yang terletak di Melaka merupakan universiti teknikal pertama dalam Rancangan Malaysia Kelapan (RMK-8), selain tiga lagi universiti teknikal yang akan didirikan di Perlis, Pahang dan Negeri Sembilan.

Menurut Rektornya, Prof. Datuk Dr. Mohd Ruddin Ab. Ghani, KUTKM menawarkan program yang khusus dalam bidang elektrikal dan pembuatan yang berasaskan teknologi maklumat (IT).

KUTKM katanya, dianggap langkah proaktif bagi menyediakan ruang kepada lepasan teknik dan vokasional untuk menyambung pelajaran ke peringkat tertinggi.

" Ini kerana program teknikal merupakan pemacu yang akan menyediakan sumber manusia dalam bentuk profesional IT dan teknikal pada masa depan," katanya ketika ditemui di kampus sementara di Air Keroh, Melaka baru-baru ini.

Keistimewaan KUTKM terletak pada sistem kurikulum yang berbeza daripada IPTA sedia ada.

Komposisi kursus KUTKM meliputi 30 peratus asas kejuruteraan, 40 peratus teras pengkhususan dan 30 peratus kursus pengurusan, keusahawanan dan kemahiran berkomunikasi.

Beliau berkata, KUTKM memberikan penekanan kepada pengetahuan teori gunaan, kemahiran dan amalan bagi melahirkan jurutera teknologi serba boleh.

Di peringkat kemahiran, sambungnya lagi, penuntut akan menjalani amali di Pusat Industri Universiti (PIU) menggunakan makmal dan peralatan dengan saiz sebenar.

" Kerana itu KUTKM berbeza dan unik daripada IPTA yang sedia ada," katanya.

Tiga kursus peringkat ijazah ditawarkan kepada kumpulan penuntut pertama KUTKM mulai sesi kemasukan Mei ini iaitu Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Elektrik, Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Elektronik dan Ijazah Sarjana Muda Teknologi Maklumat dan Komunikasi.

Sementara dua lagi kursus iaitu Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Mekanikal dan Sarjana Muda Kejuruteraan Pembuatan akan diperkenalkan pada sesi kemasukan November ini.

Tempoh pengajian adalah empat tahun sementara program teknologi maklumat dan komunikasi selama tiga tahun setengah.

Menurut Dr. Mohd Ruddin, sasaran KUTKM pada tahun ini ialah mempunyai 500 orang penuntut melalui dua ambilan ini.

Ujarnya, pada tiga tahun pertama, KUTKM akan beroperasi di kampus sementara di Air Keroh.

Beliau menambah, KUTKM yang berkonsep universiti bandar dengan dikelilingi industri dijangka akan berkembang maju apabila kampus tetap di Durian Tunggal, Alor Gajah siap penghujung tahun 2003 nanti.

Terang beliau, 24 orang pensyarah termasuk yang dipinjam dari Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Universiti Utara Malaysia (UUM) dan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), boleh menampung jumlah pelajar yang ada setakat ini.

Jumlah tersebut akan ditambah sejajar dengan keperluan, katanya.

Beliau menganggap Melaka merupakan lokasi yang sesuai untuk pembinaan KUTKM berdasarkan tarikannya yang tersendiri.

Sebagai negeri yang terkenal dengan industri pelancongan, katanya, penubuhan KUTKM akan turut menyenaraikan Melaka sebagai pusat pendidikan pada masa depan.

(Source : Utusan Malaysia)